PETIKAN PERCUMA · EDISI 2026

Mula Hari Ini

3 bab pertama Kaedah P.A.N.T.A.S

Dipetik dari ebook **Produk Digital Tanpa Pening**

P A N T A S

Dalam ebook ini · Dalam panduan penuh

Bab 1 hingga 3 · **Hari 1 hingga 4** · **2 Prompt AI**

Ammar Rahimi Anwar
ARBA Digital Venture · @ammarr_anwar

PENGENALAN

Buat sekali.
Jual berkali kali.

Bayangkan anda tulis satu panduan ringkas pada hujung minggu. Isnin pagi, ada orang beli. Selasa, ada lagi. Anda tak perlu cetak, tak perlu pos, tak perlu simpan stok.

Itulah produk digital: apa sahaja yang orang boleh beli dan terima dalam bentuk fail atau pautan.

- Ebook dan panduan PDF
- Template Canva
- Checklist dan worksheet
- Spreadsheet bajet
- Pek prompt AI
- Kelas video pendek

APA ADA DALAM EBOOK MINI INI

Bab 1 hingga 3 daripada ebook penuh: cari niche anda, uji sama ada orang betul betul mahukannya, kemudian pilih jenis produk yang paling mudah untuk dibina. Semua dipetik terus dari ebook penuh.

SEBELUM MULA

5 mitos yang buat orang tak mula

1. **"Saya kena pandai IT."**
   Kalau anda boleh guna WhatsApp dan Canva, anda dah cukup pandai.

2. **"Saya kena ada ramai followers."**
   Jualan pertama selalunya datang daripada 10 hingga 50 orang yang percaya anda, bukan 10,000 followers.

3. **"Pasaran dah tepu."**
   Ramai penjual bermaksud ada pembeli. Anda cuma perlu jadi yang paling jelas untuk audiens tertentu.

4. **"Saya bukan pakar."**
   Anda cuma perlu tahu lebih sedikit daripada orang yang anda bantu.

5. **"Kena ada modal besar."**
   Alat utama yang digunakan ada versi percuma. Modal hampir RM0.

KAEDAH P.A.N.T.A.S

Peta perjalanan anda

Enam huruf, enam fasa. Setiap fasa ada satu hasil yang jelas. Anda hanya bergerak ke fasa seterusnya bila hasil fasa itu sudah ada di tangan.

P **Pilih Niche**
Hari 1 · Ayat niche yang jelas
✓ Di sini

A **Asah Idea**
Hari 2 hingga 3 · 10 orang kata "nak"
✓ Di sini

N **Nyatakan Tawaran**
Hari 4 · Produk, harga, bonus
✓ Bab 3

T **Tulis dan Bina**
Hari 5 hingga 7 · Produk siap dijual
🔒

A **Automasikan Jualan**
Hari 8 hingga 10 · Bayar, terus dapat
🔒

S **Sebarkan**
Hari 11 hingga 14 · Jualan pertama
🔒

BILA RASA PENING

Tanya diri anda: saya di huruf mana sekarang? Apa hasil fasa ini? Fokus pada hasil itu sahaja.

FASA 1 DARIPADA 6 · HARI 1

Pilih Niche

Hasil: satu ayat niche, "Saya bantu [siapa] untuk [hasil] tanpa [kesusahan]."

Kesilapan paling biasa orang baru ialah cuba jual kepada semua orang. Bila anda bercakap dengan semua orang, tiada siapa rasa anda bercakap dengan dia.

Formula Niche 3 Bulatan



Tahu dan suka, tapi orang tak sanggup bayar? Itu hobi. Orang sanggup bayar tapi anda tak suka? Anda akan cepat berhenti. Niche terbaik di tengah.

Latihan "Orang selalu tanya saya pasal..."

Ambil 10 minit. Lengkapkan ayat ini sekurang kurangnya lima kali:

- Kawan sekerja selalu tanya saya pasal...
- Keluarga selalu minta tolong saya untuk...
- Orang selalu puji saya sebab pandai...
- Saya pernah selesaikan masalah... untuk diri sendiri
- Saya sanggup habiskan duit dan masa untuk belajar pasal...

Benda yang anda rasa "biasa sahaja" selalunya luar biasa bagi orang lain.

UJIAN AYAT NICHE

"Saya bantu **[siapa]** untuk **[hasil]** tanpa **[perkara yang mereka benci]**." Kalau anda boleh isi ayat ini dengan jelas, niche anda dah cukup tajam.

- Saya bantu **ibu bekerja** untuk **siapkan bekal anak dalam 15 minit** tanpa **perlu fikir menu setiap malam**.
- Saya bantu **peniaga kecil** untuk **post content setiap hari** tanpa **pening cari idea**.

CONTOH SEBENAR

Aisyah, 26 tahun, eksekutif HR. Kawan sepejabat selalu tanya macam mana dia boleh simpan RM500 sebulan walaupun gaji RM2,800. Dia suka susun nombor dan suka Canva.

Ayat nichenya: **"Saya bantu pekerja muda bergaji bawah RM3,000 untuk ada simpanan setiap bulan tanpa perlu kira guna Excel yang rumit."**

Prompt AI

Salin ke ChatGPT, Claude atau Gemini. Gantikan bahagian dalam [kurungan].

PROMPT AI · BAB 1

```
Anda ialah jurulatih bisnes digital untuk pemula di
Malaysia. Saya [umur] tahun, bekerja sebagai [kerja],
pandai dalam [3 kemahiran], suka [3 minat], dan orang
selalu tanya saya pasal [topik]. Senaraikan 20 niche
produk digital yang sesuai untuk saya. Untuk setiap
niche, beri: sasaran pembeli, masalah utama mereka,
dan skor 1 hingga 10 untuk permintaan di Malaysia.
Susun dalam jadual. Gunakan Bahasa Melayu santai.
```

Semak hasilnya. AI tahu banyak benda secara umum, tapi pengalaman anda hanya anda yang tahu.

FASA 2 DARIPADA 6 · HARI 2 HINGGA 3

Asah Idea

A

Hasil: sekurang kurangnya 10 orang kata "nak", dan satu ayat janji produk.

Ramai orang habiskan tiga bulan buat produk, lancar, dan tiada siapa beli. Bukan sebab produknya teruk, tapi sebab mereka tak pernah tanya sama ada orang betul betul mahukannya.

Salin ayat mereka, sebiji sebiji

Baca komen di TikTok, Threads dan group Facebook. Salin ayat orang ke dalam Notes tanpa ubah bahasa mereka:

- *"Gaji masuk 25hb, tanggal 10 dah kering."*
- *"Setiap malam pening fikir nak masak apa untuk bekal anak esok."*

Formula janji produk

Masalah + **Hasil** + **Tempoh**

- "Gaji habis tengah bulan? Ada simpanan pertama dalam 30 hari."
- "Tak tahu nak post apa? 50 prompt untuk content sebulan, siap dalam 1 petang."

Uji pasaran sebelum bina

1. **Poll** di Threads atau Instagram Story: "Kalau ada planner bajet khas untuk gaji bawah RM3k, korang nak tak?"
2. **Soalan terbuka**: "Apa benda paling susah pasal bekal anak? Komen bawah."
3. **Senarai menunggu**: "Komen NAK kalau nak saya DM bila siap."
4. **Pra jualan** kepada 10 orang pertama. Ujian paling kuat, sebab orang bayar betul betul.

10

Peraturan 10 Orang

Kalau sekurang kurangnya 10 orang yang bukan keluarga atau kawan rapat cakap "nak", teruskan. Kurang? Ubah sudut atau kecilkan audiens, kemudian uji semula.

CONTOH SEBENAR

Faizal jual kek dari rumah. Dalam group peniaga, setiap minggu ada orang tanya "macam mana nak cari idea post?". Dia buat poll di Threads tentang 50 prompt AI untuk caption jualan. Dalam dua hari, **41 orang komen NAK**.

FASA 3 DARIPADA 6 · HARI 4

Nyatakan Tawaran

Hasil: nama kerja produk, Produk Tangga, harga, bonus dan tawaran awal.

BAB 3

Mula dengan produk yang siap dalam 3 hari

Anda dah ada niche. Anda dah ada bukti orang mahu. Sekarang soalannya: dalam bentuk apa anda nak bungkus penyelesaian itu?

Produk pertama bukan karya agung anda. Ia ialah tiket masuk ke dunia jualan digital.

TAK TAHU ATAU TAK SEMPAT?

Pembeli tak tahu (perlukan ilmu): ebook mini atau checklist.

Pembeli tak sempat (perlukan alat siap guna): template, planner, spreadsheet atau pek prompt.

Jadual pilihan produk

Checklist atau worksheet	⏱ 1 hari	**RM9 hingga RM19** Proses langkah demi langkah
Ebook mini (15 hingga 30 m/s)	⏱ 2 hingga 4 hari	**RM19 hingga RM49** Ilmu, resepi, panduan
Template Canva	⏱ 1 hingga 3 hari	**RM15 hingga RM39** Design, planner, media sosial
Planner boleh cetak	⏱ 2 hingga 3 hari	**RM15 hingga RM35** Kewangan, rutin, ibadah
Spreadsheet (Google Sheets)	⏱ 1 hingga 3 hari	**RM19 hingga RM49** Bajet, inventori, jadual
Pek prompt AI	⏱ 1 hingga 2 hari	**RM19 hingga RM39** Peniaga, guru, penulis
Mini course video	⏱ 1 hingga 2 minggu	**RM49 hingga RM199** Kemahiran praktikal

TIP

Untuk produk pertama, pilih daripada lima baris teratas. Video course boleh jadi produk kedua atau ketiga, selepas anda tahu apa yang pembeli betul betul mahu.

Konsep Produk Tangga

Anak tangga pertama rendah dan mudah dipijak: produk murah anda. Bila pembeli puas hati, mereka sanggup naik ke anak tangga seterusnya.

1 **Produk masuk**
RM19 hingga RM49
Ebook mini 30 Menu Bekal Anak, RM25

2 **Produk teras**
RM59 hingga RM149
Pakej 90 menu dan senarai barang dapur mingguan, RM59

3 **Produk premium**
RM149 ke atas
Kelas video meal prep dan group sokongan, RM149

Anda tak perlu bina semua anak tangga sekarang. Fokus pada anak tangga pertama, tapi rancang supaya ia membawa ke produk seterusnya.

CONTOH SEBENAR

Puan Nadia, ibu dua anak dan guru sekolah rendah, selalu kongsi gambar bekal anak di Threads. Masalah pembelinya ialah tak sempat, bukan tak tahu masak. Dia pilih ebook mini: 30 menu, setiap satu dengan senarai bahan, 5 langkah dan masa penyediaan. **Siap dalam 4 hari, 28 muka surat, dijual RM25.**

Senarai semak produk pertama

Sebelum anda mula membina, pastikan produk anda:

- ✓ Selesaikan satu masalah dengan jelas, bukan sepuluh
- ✓ Boleh digunakan atau dibaca dalam masa kurang daripada sejam
- ✓ Beri hasil yang pembeli boleh rasa dengan cepat
- ✓ Ada nama yang menerangkan hasilnya

Prompt AI

PROMPT AI · BAB 3

```
Berdasarkan masalah ini: [tampal 3 masalah teratas],
cadangkan 5 idea produk digital yang boleh saya
siapkan dalam 3 hari. Untuk setiap satu beri: jenis
produk, tajuk menarik guna formula Masalah + Hasil +
Tempoh, isi kandungan ringkas, dan harga cadangan
dalam RM untuk pasaran Malaysia.
```

SETERUSNYA DALAM BAB 4

Harga yang orang tak fikir dua kali, bonus yang menambah nilai, dan tawaran awal untuk pembeli pertama.

TUGASAN ANDA

Hari 1 hingga 4

Tanda bila siap. Ini empat hari pertama Pelan 14 Hari.

HARI 1 · PILIH NICHE

- [ ] Lukis Niche 3 Bulatan dan isi 5 perkara dalam setiap bulatan
- [ ] Lengkapkan latihan "Orang selalu tanya saya pasal..." 5 kali
- [ ] Tulis ayat niche untuk 3 calon niche

HARI 2 · KAJIAN PASARAN

- [ ] Cari niche anda di TikTok, Threads dan Shopee
- [ ] Salin 15 ayat pain point dalam bahasa asal pembeli
- [ ] Tulis 3 ayat janji produk (Masalah + Hasil + Tempoh)

HARI 3 · UJI PASARAN

- [ ] Lancarkan satu poll atau post soalan
- [ ] Kira berapa orang kata "nak" (sasaran: 10)

HARI 4 · PILIH JENIS PRODUK (BAB 3)

- [ ] Tentukan masalah pembeli: "tak tahu" atau "tak sempat"
- [ ] Pilih satu jenis produk dan lakar Produk Tangga anda
- [ ] Tulis nama kerja produk pertama anda

SETERUSNYA

Bab 4 hingga 10 menunggu anda

Anda dah ada niche, bukti orang mahu, dan jenis produk. Ini yang tinggal sebelum jualan pertama:

- N **Bab 4** Tetapkan harga yang orang tak fikir dua kali, bonus dan tawaran awal 🔒
- T **Bab 5** Bina produk dengan AI: outline, isi dan reka bentuk 🔒
- A **Bab 6** Payment gateway dan penghantaran automatik 🔒
- A **Bab 7** Landing page yang menjual 🔒
- S **Bab 8** Threads marketing, promosi percuma 🔒
- S **Bab 9** Meta Ads untuk pemula 🔒
- S **Bab 10** Selepas jualan pertama 🔒

PANDUAN PENUH

Produk Digital Tanpa Pening

- Ebook 66 muka surat, 10 bab, 6 fasa
- 26 prompt AI (anda dah cuba dua)
- Pelan 14 Hari dan Senarai Semak Projek
- 3 contoh produk sebenar, dari idea ke pautan bayaran

BONUS

Versi HTML interaktif: tanda bab, tick tugasan, salin prompt dengan satu klik

eBook Jual Di Thread: strategi jual melalui Threads

Dapatkan panduan penuh →

ammarrahimi.com/lp/produkdigitaltanpapening

Soalan? **hi@ammarrahimi.com** · Threads dan Instagram **@ammarr_anwar**

© 2026 Ammar Rahimi Anwar, ARBA Digital Venture. Ebook mini ini percuma dan boleh dikongsi. Tidak boleh dijual.